

# Politeknik Banting guna lampu solar kitar semula

Oleh MOHD KHAIRUN NIZAM SAADAN  
utusanpelajar@mediamulia.com.my

SEKUMPULAN pelajar dan kakitangan Politeknik Banting Selangor (PBS), baru-baru ini bersama-sama memasang sembilan unit lampu solar di kawasan kampus politeknik berkenaan.

Pengerusi Kelab Mesra Alam Sesi 2 2024/2025 PSB, Haizzam Irfzan Al-Chadar berkata, program pemasangan lampu solar itu melibatkan seramai 28 orang pelajar dan 15 orang kakitangan Jawatankuasa SmartGreen PBS.

Kata beliau, program tersebut bertujuan untuk memelihara alam sekitar dan membudayakan penjimatatan tenaga elektrik.

Katanya, pembelian sembilan unit lampu solar diperoleh hasil jualan bahan kitar semula seperti kertas, kotak, plastik dan besi sepanjang Sesi 2 2024/2025 iaitu dari bulan Januari hingga Mei lalu.

Kelab tersebut juga menyasarkan untuk membeli 10 unit lampu solar lagi melalui penjualan bahan kitar semula pada

**“Program pemasangan lampu solar itu merupakan aktiviti yang melibatkan seramai 28 orang pelajar dan 15 orang kakitangan Jawatankuasa SmartGreen PBS.”**

semester hadapan iaitu sesi 1 2025/2026.

“Setakat ini sambutan dan reaksi warga PBS amat menggalakkan.

“Ramai pelajar dan kakitangan PBS mula menyumbangkan bahan kitar semula mereka kepada Kelab Mesra Alam PBS bagi menambah lagi jumlah bahan kitar semula,” ujarnya.

Turut serta Timbalan Pengarah Sokongan Akademik Politeknik Banting Selangor, Mohd Khazaren Kusaini.



Banting Selangor, Mohd Khazaren Kusaini.

Menurut Mohd. Khazaren, pemasangan lampu solar oleh Kelab Mesra Alam itu walaupun hanya sembilan unit, ia mampu memberi impak dari segi keberkesanan penggunaan tenaga elektrik di politeknik. Ia juga mengharapkan agar Kelab Mesra Alam dan Jawatankuasa SmartGreen PBS merancang aktiviti yang lebih besar pada masa akan datang.

Turut serta Timbalan Pengarah Sokongan Akademik Politeknik Banting Selangor, Mohd Khazaren Kusaini.



**PEMASANGAN** lampu solar di kawasan tempat letak kereta Politeknik Banting Selangor.